

BULETIN TAMAN BANGI 3

“Penduduk Muafakat Taman Harmoni”

Keluaran Februari 2007 – Bil. 1/2009 15 Feb 2009

LAYARI LAMAN WEB TB3 DI www.tamanbangi3.alamsiber.com

Karnival Untukmu Palestin

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Penderitaan yang ditanggung oleh saudara seislam kita di Palestin wajarlah dibantu. Atas desakan rasa kemanusiaan dan pertalian saudara seagama, dengan rasa penuh keinsafan dan kesedihan Persatuan Penduduk Taman Bangi 3 (PPTB3) akan menganjurkan program Karnival Untukmu Palestin yang bertujuan untuk mengumpul sumbangan bagi membantu mangsa-mangsa kekejaman Israel di Palestin. Karnival Untukmu Palestin ini akan diadakan pada 28 Februari 2009 (Sabtu) hingga 1 Mac 2009 (Ahad). Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk semua peringkat warga penduduk TB3. Antara aktiviti-aktiviti yang diatur adalah seperti berikut:-

28 Februari 09 - Sabtu

- ✓ Jualan Gerai & Car Boot Sale
- ✓ Gaza Run – 7.00pg
- ✓ Majlis Perasmian – 10.30pg
- ✓ Anugerah Pelajar Cemerlang 07/08
- ✓ Pemeriksaan kesihatan percuma
- ✓ Sukan Rakyat – 11.30pg
- ✓ Pertandingan Pidato – 3.00ptg
- ✓ Ceramah Palestin – 8.00 malam

1 Mac 09 - Ahad

- ✓ Jualan Gerai & Car Boot Sale
- ✓ Futsal – 8.30pg
- ✓ Pertandingan Mewarna Keamanan – 9.00pg
- ✓ Forum Palestin – 9.00 malam

Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama penduduk untuk menyumbang sebanyak RM20 bagi setiap rumah iaitu RM10 untuk sumbangan dana Palestin dan RM10 kupon untuk membeli jualan di gerai. Sumbangan dan belian kupon ini boleh dibuat melalui wakil-wakil jalan masing-masing. Yang berminat untuk menyertai karnival ini boleh menghubungi:-

- ☎ Gerai & Car Boot Sale: Tn. Hj. Saiful - 012 2677966
- ☎ Gaza Run & Sukan Rakyat: Sdr. Rosmidi - 012 9025945
- ☎ Futsal: Sdr. Tajul – 013 3423423
- ☎ Iklan & Tajaan Buku Cenderamata: Sdr Shaari – 013 3880214
- ☎ Pendaftaran Anugerah Pelajar Cemerlang: Tn. Hj. Mohd Esnan – 012 2732196
- ☎ Pertandingan Mewarna Keamanan: Sdr. Azman – 019 3521671
- ☎ Tempahan baju Karnival / Taman Bangi 3: Sdr Hanafiah – 012 6448841

Atau, untuk maklumat lanjut mengenai karnival ini sila hubungi:-

- ☎ Penasihat: Dr. Ahmad Hariza Hashim – 012 2298274
- ☎ Koordinator: Sdr. Zulkarnain Abd Yazid – 012 3407539
- ☎ Sekretariat: Sdr. Zahari Ismail – 012 3007003

Sudahkah anda menunaikan kewajipan anda?

Sudahkah anda menunaikan kewajipan anda sebagai penduduk Taman Bangi 3? Setiap rumah di Fasa 1 & Fasa 2 Taman Bangi 3 perlu membayar yuran keselamatan sebanyak **RM20 Sebulan** bagi setiap rumah. Caranya.... mudah saja... hubungi wakil jalan masing-masing dan bayarlah menerusi mereka. Yuran keselamatan yang anda bayar akan disalurkan kepada Bendahari PPTB3 yang bertanggungjawab membuat bayaran kepada petugas-petugas keselamatan setiap bulan. Anda menyewa?? Walaupun menyewa anda juga perlu membayar yuran keselamatan ini. Jika anda masih belum menunaikan tanggungjawab ini, apalagi...bertindak lah sekarang.

Sumbangan surau

Untuk makluman semua penduduk (beragama islam), setiap rumah di Taman Bangi 3 dipohon sumbangan RM5 bagi setiap 4 bulan atau RM20 setahun bagi menampung perbelanjaan operasi surau dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Anda boleh menyumbang RM5 setiap 4 bulan (bayar 4 kali dalam setahun) atau membayar sekaligus RM20 untuk sumbangan setahun. Sumbangan boleh disampaikan kepada Bendahari Surau Abdul Rahman Auf' (SARA) atau melalui wakil-wakil jalan untuk disampaikan kepada Bendahari Surau. Kepada yang telah menyumbang, J/kuasa SARA mengucapkan terima kasih dan berdoa semoga sumbangan anda mendapat balasan pahala dari Allah swt.

Mesyuarat Agung PPTB3

Mesyuarat Agung PPTB3 kali ke-6 insyallah akan diadakan pada bulan April 2009 yang akan datang. Notis Mesyuarat Agung akan dikeluarkan oleh Setiausaha PPTB3 pada bulan Mac 2009 dan penduduk yang mempunyai usul untuk dibincangkan boleh mengemukakannya kepada setiausaha PPTB3. Semua penduduk TB3 adalah dijemput hadir ke mesyuarat ini. Mesyuarat akan diadakan di Surau Abdul Rahman Auf' dan kebiasaannya diadakan pada hari pagi ahad. Insyallah, lapangkanlah masa kita sebagai menunjukkan kemuafakatan dan kebaikan Taman Bangi 3.

karnival untukmu Palestin

☞ ***Ceramah oleh YBhg Dr Syeikh Ahmad Farid Syeikh Ahmad, bekas pensyarah UIA
28 Feb 09 (Sabtu) 9.00 malam, bertempat di Surau Abdul Rahman Auf***

☞ ***Forum Palestin - Dr. Zulkefly Ahmad (Ahli Parlimen), Dr Hafidzi Md Nor
(PACE), Ukhti Norhasyimah (Aman Palestin)
1 Mac 09 (Ahad) 9.00 malam, bertempat di Surau Abdul Rahman Auf***

Pastikan janji temu anda bersama kami nanti. Insyaallah...